

KENYATAAN AKHBAR

SEDANIA membentuk Jawatankuasa Syariah menyeluruh pertama di Malaysia

Unit Fintech SEDANIA Innovator adalah Penyedia Perdagangan Komoditi pertama di Malaysia yang membentuk Jawatankuasa Syariah menyeluruh yang terdiri daripada penasihat antarabangsa dan tempatan.

KUALA LUMPUR (27 September): Anak syarikat teknologi kewangan SEDANIA Innovator Bhd ("SEDANIA") iaitu SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd ("SEDANIA As Salam") telah melantik empat (4) penasihat Syariah yang mempunyai reputasi dalam membentuk Jawatankuasa Syariah menyeluruh pertama kalinya untuk Penyedia Perdagangan Komoditi negara.

Jawatankuasa Syariah ini terdiri daripada penasihat-penasihat bereputasi dan mempunyai pengalaman di peringkat antarabangsa dan juga tempatan bawah pimpinan Prof. Dr. Aznan Hasan sebagai Pengerusi. Ahli jawatankuasa Syariah ini terdiri daripada Prof. Madya Dr. Ahcene Lahsasna, Dr. Khairul Anuar Ahmad dan Ustaz Mohd Rofaizal Ibhram.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA As Salam, Nisa Ismail berkata, "Kami merasa amat bangga kerana bukan sahaja seorang, malah empat Penasihat Syariah yang bereputasi dengan latar belakang yang berbeza dan memiliki pengalaman yang mendalam di Industri Kewangan Islam peringkat tempatan dan antarabangsa."

Nisa menekankan bahawa Jawatankuasa Syariah yang kukuh akan memupuk keyakinan yang lebih utuh, berintergriti dan beretika bagi pengguna SEDANIA As Salam, yang terdiri daripada 95 Institusi Perkhidmatan Kewangan (FSI). Langkah strategik ini seterusnya akan menempatkan serta memperkukuhkan penawaran fintech Islamik di peringkat global SEDANIA.

"Penubuhan Jawatankuasa Syariah adalah satu tonggak penting bagi syarikat kami kerana ia menunjukkan hasrat kami sebagai syarikat berlandaskan ESG bagi mengukuh etika dan integriti perkhidmatan kami selaras dengan prinsip-prinsip Syariah".

Berucap semasa upacara penyerahan pelantikan Penasihat Syariah SEDANIA As Salam, Prof. Dr. Aznan berkata, "Harapan saya ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah ini akan mengukuh

KENYATAAN AKHBAR

usaha tadbir urus SEDANIA, dengan pematuhan yang lebih ketat kepada prinsip tadbir urus Syariah dalam urusanniaga yang melibatkan murabahah komoditi.”

Beliau menambah, penyedia platform bertanggungjawab bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap semua prinsip Syariah, terutamanya yang berkaitan dengan kewujudan komoditi asas tawarruq, nilai, kepastian dan kebolehan penghantaran. Sebarang ketidakpatuhan bukan sahaja akan mengakibatkan ketidakpatuhan Syariah dan pendapatan yang dihasilkan daripada urusanniaga akan disalurkan terus kepada kegiatan amal dan seterusnya mempengaruhi reputasi kewangan Islam.

Pelantikan Prof. Dr. Aznan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah adalah langkah terbaik kerana beliau telah memainkan peranan penting sebagai ahli Lembaga Penasihat Syariah SEDANIA As Salam sejak 2015. Beliau juga memegang jawatan bereputasi tinggi seperti Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pengawasan Syariah Bank Nizwa, antara lain, yang mencerminkan pengetahuannya yang mendalam dalam kewangan Islam.

Prof. Madya Dr. Ahcene Lahsasna yang berasal dari Algeria ialah ahli akademik Syariah yang terkenal dan seorang pengarang prolific. Beliau mempunyai pemahaman mendalam tentang kewangan Islam serta peranannya sebagai penasihat bagi institusi seperti Standard Chartered Bank dan Munich RE.

Dr. Khairul Anuar Ahmad adalah pakar dalam Fiqh Muamalat dan Ekonomi dan Perbankan Islam, mempunyai latar belakang akademik yang kukuh dan penglibatan yang luas dalam jawatankuasa Syariah di institusi-institusi seperti OCBC Al-Amin Bank, HSBC Amanah, dan FWD Takaful. Beliau juga merupakan aset dalam tadbir urus Syariah SEDANIA As Salam.

Ustaz Mohd Rofaizal Ibrahim memegang Ijazah Sarjana dalam Perbankan Islam. Peranannya sebagai pensyarah, ahli jawatankuasa Syariah di OCBC Al-Amin Bank, dan Ketua Syariah di Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad, menunjukkan komitmen beliau terhadap prinsip-prinsip kewangan Islam.

KENYATAAN AKHBAR

- Tamat -

Mengenai Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (SASC), anak syarikat milik penuh SEDANIA Innovator Berhad, adalah penyedia teknologi yang memperkasakan institusi kewangan dengan penyelesaian teknologi kewangan Islam yang inovatif dan membolehkan transformasi perbankan digital yang lancar.

Secara terasnya adalah As-Sidq, sebuah platform dagangan komoditi digital patuh Syariah dipatenkan yang diperkasakan oleh perkhidmatan proprietari telcotech perkongsian waktu berbual atau Airtime Sharing (ATS) untuk memudahkan pembrokeran komoditi digital yang selamat, boleh digunakan secara langsung pada bila-bila masa untuk keperluan Tawarruq (komoditi murabahah) institusi kewangan. Sehingga kini, platform As-Sidq telah memperkasakan hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Sebagai rakan kongsi eksklusif syarikat amanah patuh Syariah terkemuka Wasiyyah Shoppe, ia juga menawarkan penyelesaian perancangan kekayaan dan pengurusan pusaka kepada masyarakat Islam melalui platform hibah digital hujung ke hujung yang lengkap dengan kerjasama Wasiyyah Shoppe, syarikat amanah patuh Syariah No. 1 di Malaysia.

Dengan penyelesaian fintechnya yang disesuaikan ke arah menambah baik rangkuman kewangan dengan meluaskan akses kepada pembiayaan secara digital dalam kalangan komuniti dan perkhidmatan telcotech ATSnya yang membolehkan pengguna mudah alih berkongsi kredit masa siaran antara satu sama lain dari lokasi yang berbeza, Sedania As Salam Capital berada pada kedudukan yang strategik untuk meningkatkan kehidupan secara lestari untuk pengguna melalui rangkaian teknologi inovatifnya yang sentiasa berkembang.

Log masuk ke laman web syarikat kami di <https://www.sedaniaassalam.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyelesaian teknologi kewangannya.

Untuk pertanyaan lebih lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Ilya Amira

Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620 / +6013 2288 005

Emel: media@sedaniainnovator.com